

Mangsa banjir dapat bantuan

BH - 10.4.2014 - V4

Kota Kinabalu: Kelab Rakan Masjid Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama Unit Hal Ehwal Islam dan Masjid (UHEIM) melaksanakan aktiviti kebajikan di tiga kampung di sekitar Keningau dan Tenom, baru-baru ini.

Aktiviti yang disertai oleh 80 pelajar UMS dengan diiringi dua kakitangan UHEIM, Yusri Sumin dan Ainah Ramlian menyalurkan bantuan kepada lebih 300 keluarga di Kampung Membulu, Keningau dan Kampung Tumantalik serta Kampung Mandalom di Tenom.

Penduduk ketiga-tiga kampung itu adalah mangsa banjir yang melan-

da beberapa kawasan pedalaman di Sabah, Februari lalu.

Selain menghulurkan bantuan makanan dan keperluan asas kepada penduduk kampung, rombongan pelajar dan kakitangan UMS turut membantu menceriakan kawasan masjid kampung serta mengadakan program bimbingan agama kepada kanak-kanak.

Aktiviti dakwah

Ainah berkata, aktiviti ke kampung itu bukan sahaja bertujuan untuk menghulur sumbangan bantuan, tetapi juga adalah satu daripada aktiviti dakwah kepada penduduk

di kawasan pedalaman.

"Meskipun beragama Islam, namun masih terdapat kanak-kanak seusia 12 tahun yang masih tidak tahu untuk mengerjakan solat.

"Diharapkan program bimbingan agama oleh ahli-ahli kelab Rakan Masjid UMS mampu memberi sedikit panduan kepada mereka untuk menuaikan rukun Islam kedua ini."

"Kelab Rakan Masjid UMS dan UHEIM bercadang untuk sekali lagi datang ke perkampungan ini bagi mengadakan aktiviti susulan berkaitan bimbingan agama kepada penduduk kampung," katanya.



Pelajar membungkus makanan untuk diagihkan kepada penduduk kampung.



Pelajar UMS yang menjayakan aktiviti kebajikan di sekitar Keningau dan Tenom.

“KAKITANGAN UMS TURUT MEMBANTU MENERCIAKAN KAWASAN MASJID SERTA MENGADAKAN PROGRAM BIMBINGAN AGAMA”

Ainah Romlah,
Kakitangan UHEIM, UMS